



**LEMBAGA PENG GALAKAN PELANCONGAN MALAYSIA
(KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA MALAYSIA)**

IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada **warganegara Malaysia** yang berkelayakan dan **berumur 18 tahun dan ke atas pada tarikh iklan ditutup** bagi mengisi kekosongan jawatan berikut:

- 1. JAWATAN : PERSONEL MySTEP (PEREKA GRAFIK)**
- KELAYAKAN : Setaraf Diploma**
- TEMPOH KONTRAK : Mulai Tarikh Lapor Diri hingga 31 Disember 2025**
- PENEMPATAN : Bahagian Teknologi Maklumat
Tourism Malaysia, Putrajaya**
- KADAR UPAH : RM1,900.00 sebulan**
(Termasuk caruman kepada KWSP dan PERKESO)

2. SYARAT LANTIKAN

Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) i. Lulusan **Diploma** dalam bidang Reka Bentuk Grafik / Grafik Komunikasi Visual, Reka Bentuk Multimedia, Seni Halus / Reka Bentuk Visual, Reka Bentuk Interaktif atau Digital Media yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan **atau mempunyai kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya** (Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM)/Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM)/Sijil Matrikulasi KPM);

- ii. Berpengetahuan dan berkemahiran **menggunakan perisian Adobe Photoshop, Adobe Illustrator, Adobe InDesign, Adobe XD dan lain-lain perisian;**
- iii. Calon hendaklah mengemukakan sekurang-kurangnya **tiga (3) portfolio kerja kreatif yang pernah dihasilkan.** Portfolio boleh **dimuat naik ke Cloud Storage seperti Google Drive, One Drive dan lain-lain. Pautan Cloud Storage boleh diemel kepada pelantikan@tourism.gov.my.**
- iv. Mempunyai tahap kreativiti yang tinggi dan mampu bekerja di bawah tekanan serta penyeliaan yang minimum.

3. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu** pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4. DESKRIPSI TUGAS

Bertanggungjawab Membantu;

- 4.1 Mendapatkan dan menyunting gambar-gambar yang menarik untuk kegunaan laman web;
- 4.2 Memastikan gambar-gambar yang digunakan di laman web adalah gambar-gambar yang sah hakmilik TM serta telah mendapat persetujuan pemilik gambar jika sumber bukan dari TM;
- 4.3 Menyunting dan menyediakan gambar bagi setiap artikel yang dipaparkan di ruangan *Explore*;
- 4.4 Merekacipta highlight banner di ruangan *Events & Happenings*;
- 4.5 Menyunting gambar-gambar di ruangan *Events & Happenings*;
- 4.6 Memilih dan menyunting gambar-gambar untuk ruangan *Deals & Packages*;
- 4.7 Memilih kandungan, menyediakan layout serta menyunting gambar untuk eNewsletter setiap bulan;

- 4.8 Merekacipta Digital Kreatif seperti backdrop dan *eCard*;
- 4.9 Merekacipta *Hero Banner* di laman web rasmi dan laman web korporat;
- 4.10 Merekacipta *Hero Banner* di ruangan *Partner Banner*;
- 4.11 Merekacipta digital poster untuk *IT Awareness*;
- 4.12 Merekacipta Directory berbentuk digital untuk kegunaan *Promotional Program* yang melibatkan Bahagian Promosi Antrarangsa dan Pejabat Luar Negara;
- 4.13 Melaksanakan tugas mengikut keperluan dari semasa ke semasa berdasarkan bidang tugas sebagai pereka grafik;

5. ARAHAN DAN CARA MEMOHON

Permohonan adalah secara dalam talian melalui *Tourism Malaysia Recruitment System*. Berikut adalah panduan ringkas bagi memohon:

- a) Log in dipautan:
<https://tourism-recruit.senanghr.com/>
- b) Pendaftaran Akaun Baharu > Lengkapkan Maklumat Pendaftaran > Tetapkan **Kata Laluan** > klik butang **Daftar Akaun**.
- c) Setelah pendaftaran berjaya, log masuk dan pemohon boleh ke langkah seterusnya dengan melengkapkan maklumat serta memuat naik dokumen berdasarkan senarai semak seperti yang dikehendaki.
- d) Pilih jawatan yang ingin dimohon.
- e) Gambar yang dimuat naik hendaklah menggunakan gambar passport terkini. **Selain daripada gambar passport tidak dibenarkan.**
- f) **Bagi pemegang Diploma daripada Institut Pengajian Tinggi Swasta/Luar Negara**, perlu mengemukakan sesalinan pengiktirafan dari Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Pemohon boleh melayari laman web <https://www2.mqa.gov.my/esisraf/>
- g) Tarikh tutup permohonan ialah pada **29 Ogos 2025 (Jumaat)**

6. CATATAN AM

- a) Calon yang berjaya melepasi tapisan kelayakan akan dimaklumkan **secara rasmi** melalui e-mel.
- b) Sekiranya pemohon tidak menerima sebarang maklum balas dalam tempoh **tiga (3) hingga enam (6) bulan** selepas daripada tarikh iklan ditutup, permohonan tuan/puan adalah dianggap **tidak berjaya**.
- c) Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan melalui e-mel kepada pelantikan@tourism.gov.my

***** SEKIAN, TERIMA KASIH *****

SENARAI SEMAK & SERAH DOKUMEN PERMOHONAN JAWATAN

Pemohon hendaklah mengemukakan dokumen-dokumen berikut (**diakui sah benar oleh pegawai dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional**) mengikut susunan:

BIL	PERKARA	ADA / TIADA	CATATAN
1	Salinan Kad Pengenalan (Hendaklah dipalang dua (2) garisan lurus dan ditulis "KEGUNAAN TOURISM MALAYSIA SAHAJA")		
2	Salinan Sijil Kelahiran		
3	Salinan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)		
4	Salinan Sijil Ujian Lisan BM Peringkat SPM		
5	Salinan Sijil Tamat Persekolahan Menengah		
6	Salinan STPM/STAM/Sijil Pertanian/Sijil Matrikulasi KPM/Sijil Khas/Diploma dan Transkrip Akhir/Ijazah dan Transkrip Akhir (<i>mana yang berkenaan</i>)		
7	Salinan Pengiktirafan oleh JPA bagi Sijil Khas / Diploma / Ijazah yang diberikan oleh badan pendidikan swasta (<i>sekiranya berkenaan</i>)		
8	Gambar Pasport terkini dimuat naik di Borang Permohonan		
9	Dihadkan lima (5) sijil kegiatan sukan atau ko-kurikulum yang difikirkan terbaik		

ARAHAN:

- Salinan sijil perlulah diakui sah benar oleh **Pegawai Kerajaan dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional**
- Ke semua dokumen di atas hendaklah **dimuat naik** semasa permohonan dibuat.
- Sekiranya permohonan ini **tidak lengkap atau tidak memenuhi kriteria yang telah ditetapkan**, Tourism Malaysia berhak untuk **tidak mempertimbangkan permohonan ini**.

Dikemaskini pada 11 Ogos 2025 (Personel MySTEP 2023)